

Festival serlah seni budaya Sabah, Sarawak



Keunikan persembahan tarian etnik masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak memukau penonton.

Oleh Mimi Rabita
Abdul Wahit
bhvarsiti@bh.com.my

► Gambang

Persembahan tarian etnik masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak menjadi tarikan utama Festival Bayu Kenyalang di Dewan Astaka Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini, baru-baru ini.

Kira-kira 1,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak melepaskan peluang keemasan menghayati keunikan seni masyarakat Malaysia Timur itu.

Mereka berpeluang menyaksikan Tarian 1Malaysia, Mini Sketsa Puteri Santubong, Tarian Rampaian Sabah dan persembahan kumpulan kebudayaan dari Sabah iaitu Bamboo Band dan Lembah Bamboo Kinabalu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar &

Alumni) Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, berkata program itu bertujuan memperkenalkan budaya etnik dan kehidupan masyarakat Sabah

dan Sarawak di samping mengeratkan hubungan mahasiswa "berbilang bangsa.

"Pihak pengurusan universiti sentiasa menyokong penuh aktiviti kebudayaan pelajar malah kami menggalakkan penganjuran lebih banyak program seumpama ini bagi membangunkan mahasiswa berdaya saing pada peringkat global.

"Pendedahan budaya sebenarnya sangat luas dan tidak terhad kepada persembahan kebudayaan saja. Malah merangkumi aspek bahasa, gaya hidup dan pemakanan yang secara tidak langsung menterjemah pengertian slogan 1 Malay-

sia," katanya ketika berucap merasmikan program itu.

Sambutan menggalakkan
Sementara itu, Pengarah program, Ahmad Shahrom Muhd Shah, berkata beliau berpuas hati dengan sambutan menggalakkan dalam kalangan warga UMP serta komitmen pelajar dalam menjayakan penganjuran program itu.

Katanya, selain menonton persembahan kebudayaan, pengunjung turut membawa pulang hadiah menerusi aktiviti cabutan bertuah dan pertandingan fotografi yang memerlukan peserta menggayakan aksi menarik dengan memakai

baju tradisional masyarakat Malaysia Timur.

Pelajar Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian, Nur Najwa Farhana Shahadan, 21, berkata beliau tidak melepaskan peluang menghadiri program kebudayaan itu kerana persembahan kebudayaan yang menarik dan menghiburkan.

"Gerak langkah yang berseni serta kehalusan senitani yang dipertontonkan sememangnya mengundang kekaguman terhadap tarian etnik yang asli dan unik masyarakat pribumi," katanya.

Program kali kedua anjuran Sekretariat Mahasiswa Sabah Sarawak dengan kerjasama Unit Kebudayaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni itu turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Pahang, Yusof Jamaludin.



Prof Daing Nasir, Prof Yuserrie Zainuddin dan Yusof hadir memeriahkan Festival Bayu Kenyalang di UMP.